

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI
MOHAMAD [LIPIS]**

TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN:

**YB Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta
PERDANA MENTERI menyatakan pelan jangka panjang bagi
mengatasi bencana banjir pada masa akan datang.**

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Timbalan Perdana Menteri telah memaklumkan semasa Mesyuarat Khas Pelan Tindakan Pasca Banjir Bil. 2/2015 pada 27 Februari 2015 bahawa Kerajaan sedang meneliti model pengurusan bencana alam terbaik dari Filipina, Indonesia dan Jepun untuk diguna pakai di Malaysia. Selain itu, Kerajaan juga sedang meneliti kewajaran penubuhan satu agensi tertentu untuk menguruskan bencana.

Di samping itu juga, Kerajaan turut mengkaji mengenai penggubalan Akta Pengurangan dan Pengurusan Risiko Bencana Negara. Akta tersebut mensasarkan kepada pengurusan yang lebih mantap dan menyeluruh selain berfungsi sebagai garis panduan kepada pelaksanaan pembangunan lestari ke arah pengurangan risiko bencana.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai tindakan bagi mengurangkan impak bencana kepada kehidupan masyarakat. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) ini telah membelanjakan sejumlah hampir RM2 billion untuk pembinaan sejumlah 131 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Johor, Perak, Perlis, Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Dengan terbinanya projek tebatan banjir ini, kawasan-kawasan yang dahulunya kerap dinaiki air kini risiko tersebut telah dapat diatasi seperti mana yang telah dilaksanakan di Kota Tinggi, Johor.

Selain itu juga, sistem amaran awal bencana juga akan terus ditambah baik selari dengan teknologi yang terkini yang setanding dengan pusat ramalan cuaca peringkat serantau dan antarabangsa. Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah bekerjasama dengan agensi-agensi peringkat antarabangsa melalui platform organisasi meteorologi serantau dan antarabangsa seperti *ASEAN Specialized Meteorological Centre (ASMC)* dan *World Meteorological Organization (WMO)*. Rangkaian kerjasama ini adalah antara pengiktirafan terhadap keupayaan dan kepakaran Malaysia dalam bidang meteorologi dan klimatologi.

Sekian. Terima kasih.